

Bah

Mahathir - Maju

ALOR SETAR, 12 April (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin rakyat mampu menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Oleh itu, katanya rakyat perlu berusaha kuat mulai sekarang untuk mencapai matlamat itu.

Beliau juga yakin wawasannya menjadikan Malaysia negara maju dalam tempoh 30 tahun akan menjadikan umat Islam di negara ini duduk sama tinggi dengan orang bukan Islam sama ada di negara ini atau di luar negeri.

+Kita harap suatu hari nanti orang Islam akan menunjukkan mereka juga boleh berjaya dan setanding dengan orang bukan Islam,+ katanya selepas majlis berbuka puasa dengan orang ramai di bangunan Pertubuhan Peladang Kawasan MADA di Tunjang, kira-kira 27 km dari sini, malam ini.

Katanya, sehingga kini pun rakyat telah berjaya membangunkan negara dengan sempurna sehingga Malaysia kini dianggap sebagai sebuah negara membangun yang terkemuka di dunia. -- Lagi.

♥12/04/23-48NST

CNS8304

R GB 12-04 00135 BA660

Bah

Mahathir - Maju 2 Alor Setar

+Dengan ini maka berlaku juga perasaan iri hati orang lain dan mereka membuat bermacam-macam fitnah dan tohmah kepada kita.+

+Saya pun tak faham kenapa mereka berbuat demikian tetapi inilah hasrat sebenar mereka membuat tohmah dan fitnah kepada kita,+ katanya.

Beliau menasihatkan rakyat supaya tabah menerima segala fitnah dan tohmahan itu serta tidak bertindak secara melulu tetapi sebaliknya terus berusaha membangunkan negara.

Beliau membidas sesetengah kumpulan di negara ini yang suka menganjurkan +perhimpunan raksasa untuk mengutuk Amerika dan Yahudi+ tetap perbuatan itu sebenarnya sia-sia sahaja kerana ia tidak memberi kesan apa-apa kepada negara berkenaan.

Katanya, sebaliknya rakyat seharusnya mencari ilmu dan kepandaian yang setanding dengan negara itu sehingga negara-negara maju lain akhirnya segai kepada Malaysia. -- Lagi.

♥12/04/23-50NST

CNS8306

R GB 12-04 00178 BA661

Bah

Mahathir - Maju 3 Alor Setar

Ketika mengulas kenyataan Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat baru-baru ini, yang menyebut bahawa +kerja ialah satu ibadat+, Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau menyokong kenyataan Haji Nik Aziz itu kerana di samping sembahyang dan berpuasa, kerja itu sememangnya satu ibadat dalam Islam.

+Alhamdulillah Nik Aziz keluarkan fatwa ini...kita tak kata semua yang dia buat itu salah tapi kita juga tak kata semua yang dia buat itu betul...yang herot (salah) kita kata herot juga,+ katanya sebagai memuji kenyataan Yang Dipertua Dewan Ulama Pas itu.

Sebelum itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata masjid bukan untuk ditonton atau menjadi tempat untuk mengerjakan sembahyang semata-mata tetapi ia adalah tempat bagi orang Islam berkumpul untuk menjalinkan hubungan baik dan memupuk persaudaraan sesama mereka.

Katanya, walaupun kerajaan membiayai pembinaan masjid di negara ini tetapi rakyat juga perlu sama memberikan sumbangan bagi pembinaannya.

+Kita akan berasa sayang kepada masjid yang kita bina sendiri daripada yang diberi oleh pihak lain,+ katanya. -- Bernama.

♥12/04/23-53NST